

01/07/2003

LHDN mungkin pulang segera lebih cukai

KERAJAAN akan menimbang kemungkinan membolehkan Lembaga Hasil Dalam Negeri

(LHDN) memulangkan lebih pembayaran cukai secara automatik tanpa memerlukan pembayar cukai membuat tuntutan.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaluddin Mohd Jarjis, berkata cadangan itu sejajar dengan matlamat LHDN untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada pembayar cukai.

"LHDN akan meningkatkan perkhidmatannya kepada pelanggan dari semasa ke semasa," katanya menjawab soalan tambahan Senator Tan Chen Tee.

Menjawab soalan asal Senator Datuk Arzmi Abdul Hamid, Jamaluddin berkata

LHDN sudah memperluaskan fungsi pungutan cukai yang sebelum ini dipusatkan

di Kuala Lumpur ke semua cawangan di seluruh negara bagi kemudahan pelanggan.

Katanya, kaunter setempat mesra pelanggan juga disediakan di cawangan LHDN bagi menyelesaikan segala masalah bayaran.

"LHDN juga menyediakan kemudahan membuat bayaran cukai melalui ejen yang

dilantik, iaitu Bank Bumiputera Commerce dan Public Bank/Finance dan sedang merundingkannya dengan Bank Simpanan Nasional," katanya.

Jamaluddin juga berkata Perang Iraq dan wabak Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) tidak memberi kesan serius kepada sasaran pungutan cukai langsung sebanyak RM50.5 bilion tahun ini.

"LHDN akan mengadakan usaha bersepadu dengan Jabatan Kastam Diraja untuk meningkatkan kutipan," katanya.

Menjawab soalan tambahan Datuk Dr Chin Fook Weng mengenai pelan kecemasan bagi memastikan pembangunan ekonomi negara tidak terjejas dan sasaran pungutan cukai itu dicapai, Jamaluddin berkata, kerajaan akan berbelanja secara berhemat.

"Seperti kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, negara akan berbelanja mengikut kemampuan," katanya.